

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

**PGT 223 : Kaedah Mengajar Geografi I**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Jawab mana-mana **EMPAT (4)** soalan. Setiap soalan diberi markah yang sama.

1. (a) Huraikan **LIMA (5)** elemen penting yang perlu ada dalam perancangan pengajaran seperti yang dikemukakan oleh Battersby (1995).  
(10 markah)
- (b) Pilih satu topik pengajaran geografi Tingkatan 2. Bincangkan **LIMA (5)** langkah perancangan yang perlu dipertimbang oleh guru geografi seperti yang dikemukakan oleh Davidson (2002).  
(15 markah)
  
2. (a) Huraikan ciri-ciri pembelajaran berasaskan inkuiri (enquiry-based learning ).  
(10 markah)
- (b) Dengan memilih satu topik pengajaran geografi, jelaskan bagaimana pembelajaran berasaskan inkuiri dapat dijalankan.  
(15 markah)

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN	UNSUR PATRIOTISME	CADANGAN AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
<p>2.3 Pengaruh manusia terhadap cuaca dan iklim</p>	<p>Kemarau Jerebu Hujan asid Kesan rumah hijau Pulau haba Penipisan lapisan ozon</p>	<p><b>Memahami pengaruh manusia terhadap cuaca dan iklim.</b> <b>Aras 1</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyenaraikan kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim. peningkatan suhu</li> <li>● kemarau</li> <li>● jerebu</li> <li>● hujan asid</li> <li>● kesan rumah hijau</li> <li>● pulau haba</li> <li>● penipisan lapisan ozon</li> </ul> <b>Aras 2</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menjelaskan dengan contoh pengaruh penebangan hutan, perindustrian, pembakaran terbuka terhadap cuaca dan iklim.</li> </ul> <b>Aras 3</b>  <ul style="list-style-type: none"> <li>● Merumus kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim</li> </ul> </p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mencintai negara Malaysia</li> <li>- peka terhadap kegiatan penduduk yang boleh memberi kesan ke atas cuaca dan iklim negara Malaysia.</li> </ul>	<p>Sumbang saran kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.</p> <p>Mengumpul maklumat mengenai kesan pengaruh kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim daripada pelbagai media seperti video, majalah, akhbar, cakera padat dan internet.</p> <p>Menyelesaikan teka silang kata berkaitan dengan pengaruh manusia terhadap cuaca dan iklim.</p> <p>Meramalkan kesan kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.</p>

( Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia 2001)

3. Jadual di atas adalah petikan Huraian Sukatan Pelajaran Geografi.
- (a) Jelaskan maksud Aras 1, Aras 2 dan Aras 3 hasil pembelajaran seperti dalam Huraian Sukatan Pelajaran.  
(10 markah)
  - (b) Sediakan tajuk pelajaran, objektif umum dan objektif khusus pengajaran bagi tempoh 40 minit berdasarkan petikan Huraian Sukatan Pelajaran di atas.  
(15 markah)
4. (a) Huraikan **LIMA (5)** jenis soalan berkaitan dengan geografi seperti yang dikemukakan oleh Carter (1991)  
(10 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana soalan terbuka dan soalan tertutup berkait rapat dengan aras kognitif pelajar dan membantu meningkatkan pemikiran pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran geografi.  
(15 markah)
5. (a) Jelaskan **TIGA (3)** pendekatan penggunaan buku teks dalam mata pelajaran geografi.  
(12 markah)
- (b) Terangkan kriteria pemilihan sumber televisual dalam pengajaran dan pembelajaran geografi berdasarkan kriteria yang dikemukakan Durbin (1995).  
(13 markah)
6. (a) Jelaskan perkara-perkara yang perlu dibuat oleh guru dalam merancang ujian geografi?  
(10 markah)
- (b) Bincangkan **LIMA (5)** prinsip penaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) seperti yang dikemukakan oleh Assessment Reform Group (2002) dengan merujuk kepada pembelajaran geografi.  
(15 markah)